

## Memperkasa Jati Diri Generasi Net Menerusi Peranan Generasi Net

JANICE LAY HUI NGA<sup>3</sup> VICTOR TERRY KING & MICHAEL  
PARNWELL

### ABSTRAK

*Makalah ini membincangkan ciri-ciri generasi net dan jati diri pengguna-pengguna internet khususnya golongan belia. Antara perkara-perkara yang dibincangkan dalam kertas kerja ini termasuklah peranan generasi net sebagai pengguna dan peserta yang berperanan sebagai pengguna maklumat, pemberi maklumat dan penilai maklumat. Ia menggunakan pendekatan bercampur atau 'mixed method' yang mengadunkan data kualitatif dan kuantitatif, data primer dan sekunder. Artikel ini juga mengambil kesempatan untuk membincangkan interaksi dan kepelbagaian pendapat, penggunaan bahasa dan tanggungjawab mereka. Di samping itu, ia turut membincangkan pengaruh arus siber atau 'cyber-wave' dan pembangunan organisasi informal atau 'informal e-networks'. Perbincangan terhadap perkembangan internet sebagai media alternatif dan media bebas (alternative and independent media) juga dilibatkan atas kepentingannya sebagai sebahagian daripada penilaian jati diri generasi net. Seterusnya, cabaran jati diri dibincangkan khasnya dari segi peranan internet sebagai koordinasi kritikan terhadap kerajaan Barisan Nasional atau sebaliknya. Perbincangan menyentuh cabaran jati diri generasi net sama ada dapat bertindak adil dan konsisten sepanjang masa. Ini adalah kerana golongan net turut terdedah kepada pandangan bias dan diskrimasi terhadap sesetengah pihak.*

**Kata Kunci:** *Belia, Jati diri, Generasi, Internet, Malaysia*

---

<sup>3</sup> Dr. Janice Nga (PhD., Leeds, UK) merupakan ahli akademik Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Prof. Dr. Terry King dan Prof. Dr. Mike Parnwell adalah Professor di Jabatan Pengajian Asian Timur, University of Leeds, United Kingdom. Draf awal kertas kerja ini telah dibentangkan dalam "Sabah Youth National Forum (SYNF) 2010 - The Future of Net Generation", 1 Ogos 2010, Kota Kinabalu, Sabah. Setinggi-tinggi penghargaan kepada respon dan komen yang diterima khasnya dari forum tersebut untuk penambahbaikan kertas kerja ini.

## ABSTRACT

*This article discusses the characteristics and identity of net generation and internet users, especially youths. Discussions in this paper include the role of net generation as consumers and participants who act as consumers of information, providers of information and evaluators of information. It employs mixed method approach, integrating qualitative and quantitative data, primary and secondary data. This article investigates the interaction and diversity of opinion, the use of language and responsibilities of net generation. In addition, it examines the influence of cyber-wave and the development of informal organisations or informal e-networks. Discussion on the development of internet as alternative media and independent media is also included for its importance as part of the assesment of the net generation identity. Next, the article examines identity challenges faced by net generation, especially in terms of the coordination role in criticising the ruling Barisan Nasional or otherwise the People's Alliance. Discussion of identity challenge is essential to evaluate the capability of net generation to act fairly and consistently over time because they are exposed and subjected to discriminations and biasness.*

**Keywords:** Youth, Identity, Generation, Internet, Malaysia

## PENGENALAN

Sememangnya wujud jurang perbezaan antara generasi, di mana dewasa ini ia diperbincangkan secara meluas sebagai generasi X, Y dan Z. Lazimnya generasi-generasi X, Y dan Z diukur mengikut peringkat umur atau tahun kelahirannya. Sebagai contoh, Tapscott (2009: 16) menyatakan secara spesifik bahawa generasi X adalah mereka yang dilahirkan di antara bulan Januari 1965 hingga Disember 1976, generasi Y adalah mereka yang dilahirkan di antara bulan Januari 1977 hingga Disember 1997, dan generasi Z ialah mereka yang dilahirkan selepas Januari 1998. Definisi McQueen (2010: 14) pula adalah kurang spesifik berbanding dengan Tapscott di mana beliau mendefinisikan generasi X sebagai golongan yang dilahirkan dalam tempoh dari pertengahan 1960an hingga awal 1980an, generasi Y untuk mereka yang dilahirkan dalam tempoh awal 1980an hingga akhir 1990an, dan generasi Z merujuk kepada mereka

yang dilahirkan sejak akhir 1990an. Justeru, jelas kelihatan cendekiawan-cendekiawan masih belum bersepakat mendefinisi ketiga-tiga generasi ini kerana mereka menggunakan lingkungan umur yang berbeza-beza walaupun mereka bersepakat menggunakan tahun kelahiran sebagai rujukan utama penentuan generasi.

Walaupun ada yang menyamakan generasi Y sebagai generasi net mengikut tahun kelahiran (lihat Tapscott 2009: 16), kertas kerja ini mengambil pendekatan bahawa generasi net lebih sesuai didefinisikan mengikut tahap penglibatan golongan pengguna atau penggunaan internet dan bukannya definisi mengikut lingkungan umur semata-mata. Dalam erti kata yang lain, perbincangan ini tidak menolak kewujudan perbezaan antara generasi X, Y dan Z, tetapi kurang bersetuju untuk melabelkan generasi X, Y, dan Z secara rigid iaitu mengikut umur atau tahun kelahiran. Pendirian ini bersesuaian dalam konteks Malaysia di mana generasi net lebih sesuai didefinisikan secara lebih meluas daripada generasi Y mengikut umur semata-mata. Hal ini penting kerana latar belakang, faktor geografi, tahap kemudahan infrastruktur yang berbeza di kawasan yang berlainan mempengaruhi kepenggunaan internet di Malaysia. Justeru, penyesuaian definisi generasi net dalam konteks Malaysia tidak dapat dielakkan. Kesesuaian definisi generasi tersebut turut diperbincangkan dalam Persidangan Meja Bulat Siri 2/2010 “Mengenal Generasi” yang diadakan pada 21 September 2010. Hasil persidangan turut mencadangkan definisi generasi di Malaysia patut disesuaikan mengikut ciri-ciri generasi dan tidak rigid mengikut tahun kelahiran semata-mata<sup>4</sup>.

Dalam perbincangan ini, golongan pengguna net aktif atau dikenali sebagai generasi net didapati amat berkait rapat dengan golongan muda. Kesahihannya terbukti kerana terdapat banyak penyelidikan mendapati internet amat berkesan untuk menarik minat dan perhatian orang muda (Nga 2009: 273). Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC 2008: 30), dilaporkan 77.3% pengguna internet berumur di bawah 39 tahun dan 70.0% berumur antara 15 hingga 39 tahun (lihat Jadual 1). Kajian lepas pada tahun 2003 yang bertajuk ‘National Youth

---

<sup>4</sup> Persidangan meja bulat tersebut merupakan anjuran Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) bersama Universiti Putra Malaysia (UPM).

and ICT' yang menyoalselidik sebanyak 1501 belia-belie Malaysia juga mendapat hasil yang menyokong pendapat di atas. Dapatan kajian juga menunjukkan alam digital merupakan keperluan kerana media alternatif bebas telah mendapat tempat dalam masyarakat Malaysia.

**Jadual 1 Peratusan Pengguna Internet Isirumah mengikut Kategori Umur**

Age Category	2005	2006
Below 15	6.5%	7.3%
15 – 19	18.6%	18.7%
10 – 24	17.2%	16.3%
25 – 29	12.5%	11.3%
30 – 34	12.2%	12.3%
35 – 39	9.9%	10.4%
40 – 44	9.6%	10.6%
45 – 49	5.1%	6.1%
50 and above	8.4%	7.1%

**Sumber:** MCMC (2008: 30).

Secara amnya, pengguna-pengguna internet mempunyai persamaan pada ciri-ciri umum dalam kalangan mereka. Antara persamaan umum tersebut termasuklah tahap pendidikan golongan net ini di mana mereka menerima sekurang-kurangnya pendidikan asas, memiliki sedikit pengetahuan komputer atau tahu menggunakan komputer dan majoritinya adalah golongan pertengahan atau 'middle class'. Kebiasaannya, generasi net juga cenderung menyelitkan penggunaan bahasa Inggeris dalam komunikasi internet. Justeru, isu identiti golongan net dan perkembangan golongan net dalam memperkasa jati diri sememangnya suatu perkara yang amat menarik untuk diperbincangkan. Kertas kerja ini mengupas sebahagian perbincangan yang menfokuskan kepada aspek memperkasa jati diri generasi net.

Jati diri merupakan salah satu frasa popular yang sering disebut-sebut dalam masyarakat Malaysia. Sepertimana yang diketahui umum, masyarakat Malaysia sering menggunakan frasa-frasa popular ataupun perkataan-perkataan tertentu walaupun ada kalanya pengguna kurang pasti dan samar-samar akan maksudnya sehingga boleh menyebabkan

penggunaan ungkapan tersebut mengelirukan maksud sebenar penyampaian pengguna perkataan<sup>5</sup> (Marni-Ameera: 21 April 2009; Nga 2009: 107). Penggunaan ungkapan sebegini sering kedengaran dalam ucapan yang disampaikan dalam majlis-majlis rasmi, majlis-majlis anjuran persatuan dan parti politik, pernyataan media, ucapan pemimpin termasuklah pegawai-pegawai kerajaan, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN), pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat (PR) serta pemimpin-pemimpin masyarakat dan persatuan-persatuan badan bukan kerajaan (NGOs)<sup>6</sup>.

Penggunaan frasa mengikut tren atau penggunaan perkataan popular tetapi kurang tepat dan tidak bersesuaian dengan maksud penyampaian mengimplikasikan kurangnya kesedaran terhadap kepentingan penggunaan bahasa yang tepat dalam masyarakat umum. Keadaan penggunaan ungkapan yang kurang tepat oleh pemimpin-pemimpin ini boleh menyebabkan masyarakat luar membuat andaian yang tidak sihat, bias atau 'stereotype' terhadap pemimpin-pemimpin khususnya, dan negara Malaysia pada amnya. Umpamanya, masyarakat Malaysia atau pemimpin Malaysia mungkin dianggap 'bersikap sambil lewa dan kurang serius' kerana pemimpin-pemimpin kelihatan cuai sehingga menggunakan perkataan yang tidak sesuai atau menggunakan frasa yang tidak difahami sepenuhnya. Jadi, ketidakprihatinan dan kelalaian dalam perkara yang mungkin dianggap kecil atau remeh tetapi ia boleh menyumbang kepada risiko krisis identiti yang mampu membawa impak negatif yang lebih besar dari sudut lain.

## **Jati Diri**

Memandangkan pemahaman perkataan dan penggunaan bahasa mempunyai hubungan dengan jati diri kita, ada baiknya kita memperjelaskan maksud frasa 'jati diri' sebelum meneruskan perbincangan. Frasa jati diri adakalanya juga ditulis sebagai satu perkataan bersambung 'jatidiri'. Menurut Dewan

---

<sup>5</sup> Selain ungkapan jati diri, penggunaan perkataan popular adalah seperti budaya, adat resam, tradisi, warisan, etnik, kaum, keturunan, ras dan bangsa (Nga 2009: 107).

<sup>6</sup> Anwar Ibrahim 1998: 12 September; Malaysia Today: 22 April 2009; Nga 2009: 107.

Bahasa dan Pustaka, jati diri merupakan dua perkataan berasingan yang bermaksud identiti (DBP: 16 September 2008). Menurut Kamus Dewan, perkataan jati, sama dengan sejati yang membawa maksud asli, murni, tulen dan tidak bercampur. Kamus Dewan mendefinisikan jati diri sebagai sifat atau ciri yang unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya) yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dan lain-lain atau ringkasnya dirujuk oleh Kamus Dewan sebagai identiti (Kamus Dewan 2004).

Roshidah Romli menawarkan penjelasan menarik mengenainya yang mengatakan bahawa “apabila dikaitkan jati dengan sejenis tumbuhan, kita akan membayangkan sephohon pokok yang tegap, berakar tunjang yang menjunam ke dasar bumi, berbatang keras dan mahal. Tetapi, apabila kita kaitkan jati diri dengan insan, ia membawa maksud seorang manusia sempurna yang memiliki keseimbangan antara *akli* (fikiran), jasmani dan rohaninya” (Roshidah Romli: 26 Februari 2003). Dalam penilaian sama ada seseorang itu memiliki jati diri atau tidak, Roshidah Romli merujuk jati diri seorang manusia berdasarkan kepada apa yang sudah dinyatakan Allah, seperti yang terkandung dalam Kitab al-Quran. Menurutnya, di antara ciri-ciri atau sifat insan yang memiliki mutu jati diri ialah sebagaimana maksud firman Allah dalam Surah al-Mukminun, ayat 1 hingga 11 (Roshidah Romli: 26 Februari 2003).

Walaupun wujudnya kekangan dalam penjelasan Roshidah Romli tersebut di mana timbulnya persoalan kesempurnaan manusia, namun untuk tujuan kertas kerja ini, definisi jati diri tersebut adalah berguna sebagai panduan khasnya dalam penentuan jati diri generasi net dan memperkasa jati diri tersebut.

## PERANAN GENERASI NET

Peranan generasi net kerap kali menjadi persoalan perbincangan. Seringkali perbahasannya adalah mengenai samada ia memberi impak positif atau negatif dalam pembangunan negara dari segi sosial, ekonomi dan politik. Untuk tujuan ini, kertas kerja ini mendekati persoalan ini melalui kanta generasi net dan perbincangan berkisar dari pelbagai sudut peranan generasi net sebagai pengguna dan peserta dalam perkembangan

penggunaan internet. Dalam erti kata lain, perbincangan melibatkan penilaian peranan mereka sebagai pengguna maklumat, pemberi maklumat dan penilai maklumat dikaitkan dengan keseimbangan antara fikiran, jasmani dan rohaninya.

Dalam konteks Malaysia, isu politik merupakan aspek paling popular dalam komunikasi internet, contohnya kewujudan blog-blog yang berkaitan dengan politik dan penglibatan generasi net yang begitu aktif (Nga 2009: 261). Justeru, perbincangan ini akan menumpukan hubungkait generasi net dan politik berbanding dengan aspek ekonomi dan sosial. Politik dalam konteks perbincangan ini merangkumi aktiviti-aktiviti politik informal dan bukannya politik formal semata-mata.

### **Peranan Generasi Net sebagai Pengguna Maklumat**

Dari kanta mata generasi net sebagai pengguna maklumat, fungsinya dilihat dari arah sebagai penerima maklumat. Dalam penjelasan secara ekonomi, pengguna maklumat mewujudkan 'permintaan' terhadap maklumat, iaitu jenis permintaan dan kuantiti yang diminta. Perkara penting yang perlu dititikberatkan adalah kriteria atau jenis maklumat yang diminta dan diperlukan oleh pengguna-pengguna maklumat.

Seperti yang kita sedari, wujudnya lambakan maklumat dalam internet. Penawaran maklumat dari sumber-sumber net yang begitu banyak tidak semuanya diminati atau dilayari oleh generasi net. Namun begitu, tidak semuanya menepati selera pengguna atau mempunyai permintaan tinggi. Secara ringkas, permintaan maklumat lebih tertumpu kepada maklumat-maklumat yang diperlukan atau jenis maklumat baru dan segar atau sesuatu yang dirasakan terkurang dalam keadaan semasa. Justeru, kecenderungan permintaan terhadap maklumat tertentu mewujudkan tren umum yang memperkaya pembentukan ciri-ciri identiti generasi net.

Pelbagai penyelidikan dan hasil kajian memberi petunjuk bahawa permintaan generasi net terhadap maklumat adalah sejajar dengan permintaan masyarakat. Peningkatan permintaan paling ketara yang dimaksudkan dalam masyarakat Malaysia termasuklah generasi net adalah dalam aspek keadilan, *governan* dan demokrasi yang sihat (Nga et al. 2009: 8; The Star: 19 Jun 2009). Oleh yang demikian, adalah sesuai untuk

mengatakan bahawa generasi net secara umum mementingkan sifat ikhlas, adil dan bebas sejajar dengan *akli*, jasmani dan rohaninya yang bertitik tolak dari permintaan dan keperluan terhadap keadilan, *governan* dan demokrasi yang baik. Dalam erti kata lain, ciri-ciri ini telah membentuk dan mendominasi identiti atau jati diri generasi net.

Justeru, apabila maklumat arus perdana dianggap tidak menepati kriteria-kriteria tersebut, laporan yang disiarkan dalam laman sesawang atau '*website*' akhbar utama juga dipersoalkan. Kita boleh mempersoalkan kesahihan mengenai suatu tanggapan dari sudut pandangan neutral tetapi ini tidak bermaksud memihak kepada media arus perdana atau mana-mana pihak. Kita semua akur bahawa suatu tanggapan tidak semestinya benar dan seringkali menimbulkan salah faham yang seterusnya mungkin menyebabkan kita mengambil tindakan yang salah atau membuat kesilapan yang boleh dielakkan. Namun, persepsi, tanggapan atau anggapan dan jangkaan tetap memainkan peranan penting dalam hidup seharian termasuklah dalam komunikasi internet. Ia memberi kesan yang mendalam dan mampu mempengaruhi perkembangan semasa termasuklah politik dan kejatuhan status media arus perdana. Impak persepsi diperakui oleh pemimpin-pemimpin utama negara seperti Tan Sri Muhyiddin Yasin dan lain-lain lagi (MySarawak: 21 Mac 2009; Nga 2009: 170).

Persepsi memainkan peranan penting dalam politik Malaysia kerana ia melibatkan isu 'kepercayaan' dan memberi impak yang tinggi khasnya ekonomi politik (Falk & Kilpatrick 2000: 88; Faist 2009: 187; MySarawak: 21 Mac 2009; The Star: 20 Mac 2009). Sebagai contoh, persepsi positif terhadap Perdana Menteri Malaysia Kelima Datuk Seri Abdullah Badawi (sekarang Tun Abdullah Badawi dan lebih dikenali dengan panggilan Pak Lah) sebagai 'Mr. Clean' dan janjinya untuk pemerintahan dan *governan* yang baik apabila mengambil alih tampuk kepimpinan negara telah membolehkan Barisan Nasional (BN) memperolehi pencapaian pilihanraya yang terbaik dalam sejarah negara iaitu kemenangan 91% pada tahun 2004. Sebaliknya, apabila wujudnya persepsi negatif terhadap kerajaan BN, maka BN di bawah pimpinan beliau mengalami pencapaian yang paling buruk dalam sejarah negara, kehilangan majoriti dua per tiga dalam parlimen dan kehilangan 5 (4+1) buah negeri.

Persepsi negatif terhadap media arus perdana mewujudkan vakum kepercayaan terhadap maklumat yang disajikan oleh media arus perdana



lalu menyebabkan masyarakat berkeinginan untuk mencari ‘kebenaran’ dari sumber-sumber yang lain (Nga et al. 2009: 7). Contohnya, “Reading Malaysiakini is a hundreds times better than reading Utusan Maluya---time will tell” yang bermaksud membaca laporan Malaysiakini jauh lebih baik daripada membaca akhbar arus perdana Utusan Malaysia<sup>7</sup>. Komen seperti ini mengandungi unsur-unsur kreativiti, di mana akhbar yang dirujuk sebenarnya ialah ‘Utusan Malaysia’ tetapi dijadikan ‘bahan ketawa’ sebagai ‘**Ut**usan **Malu**ya’. Perkataan ‘tua’ dan ‘malu’ mengimplikasikan pengguna internet selaku penerima maklumat ini begitu tidak berpuas hati dengan pelaporan suratkhbar tersebut. Justeru, wujudnya segolongan pengguna net (walaupun bukan semua) yang menolak laporan arus perdana.

Sifat kepenggunaan yang aktif juga jelas kelihatan dalam kalangan golongan pengguna net ini sehingga mereka menganjurkan aktiviti-aktiviti sebagai usaha kolektif untuk menolak kredibiliti akhbar arus perdana. Antaranya, usaha menganjurkan rayuan atas talian atau ‘online petition’ untuk memulau akhbar arus perdana yang mengatakan “We are in reality empowering ourselves when we say to the mainstream media (MSM): We refuse to buy into your lies. Therefore we’re not buying newspapers” yang bermaksud mereka menghakupayakan atau mendaya upaya diri mereka sendiri untuk memberitahu media arus perdana di mana mereka tidak akan terpedaya dengan ‘dakyah’ MSM, maka tidak akan membeli suratkhbar arus perdana<sup>8</sup>.

Perkembangan seumpama ini mempunyai implikasi yang serius. Hal ini kerana apabila laporan dalam media arus perdana dikatakan atau dituduh sebagai penuh dengan pembohongan dan rakyat mempercayai keadaan ini, maka bermulalah kepercayaan songsang iaitu apa-apa yang bukan daripada media arus perdana dianggap lebih tepat dan boleh dipercayai (Nga 2009: 252). Tanggapan ini amat berbahaya kerana persepsi sedemikian berkemungkinan besar adalah bias dan membawa kepada sentimen anti-kerajaan yang melampau di ruang siber.

---

<sup>7</sup> <http://desiderata2000.blogspot.com/2008/05/pakatan-rakyat-calls-for-boycott-of.html>; <http://mt.m2day.org/2008/content/view/26473/84/>.

<sup>8</sup> <http://harismibrahim.wordpress.com/boycott-the-newspapers-online-petition/>.

Perkembangan ini memerlukan perhatian segera sebelum ia merisikokan pembangunan negara. Sepertimana yang dinyatakan oleh Tunku Abdul Aziz iaitu “it is a dangerous development that must be addressed imaginatively on an urgent basis” yang bermaksud perkembangan berbahaya ini perlu diberi perhatian dan ditangani segera (Tunku Abdul Aziz 2009: 207).

### **Peranan Generasi Net sebagai Pemberi Maklumat**

Berbanding dengan pengguna maklumat, apabila generasi net berfungsi sebagai pemberi maklumat, maka ia dikatakan sebagai penawaran maklumat. Pemerhatian terhadap jenis maklumat, bahasa yang digunakan atau corak penyampaian maklumat merupakan perkara-perkara yang menarik untuk dianalisis dan dinilai dari segi jati diri generasi net.

Selari dengan permintaan maklumat generasi net Malaysia, penawaran maklumat tetap berkisar di sekitar isu demokrasi, keadilan dan pemerintahan *governan* yang baik. Generasi net menyuarakan isi hati mereka khasnya melalui penulisan dalam blog masing-masing atau menyumbang pendapat selepas suatu paparan atau ‘posting’. Atas tuntutan keadilan, demokrasi dan *governan* yang baik, seringkali kelihatan generasi net bertindak seperti suatu forum keadilan (‘a justice forum’), untuk membela dan menyelamatkan individu atau kumpulan yang ‘dimangsakan’ dalam koridor kuasa (corridors of power) (Mara 2003: 739, 750). Ia mewujudkan suatu ‘cyber-wave’ yang berkesan sama ada mengiakan atau menidakkan suatu laporan atau situasi.

Apabila sekumpulan manusia atau individu dilihat sebagai ‘mangsa’ cengkaman kuasa, masyarakat umum khasnya intelek-intelek muda dan generasi net mempunyai empati kepada si mangsa. Mereka menghulurkan bantuan dan menunjukkan sokongan, yakni ‘menuntut keadilan’ untuk si mangsa melalui penulisan dan penawaran maklumat melalui blog mereka atau memberi pernyataan respon sebagai sokongan moral bagi si mangsa.

Keadaan ini selari dengan pandangan van Vugt dan Snyder (2002: 765, 766) yang menyatakan bahawa orang perseorangan akan mengurus sendiri untuk mencari penyelesaian bersama bagi menghadapi masalah kolektif atau ancaman kolektif yang dialami bersama. Contohnya, perkara yang hebat diperkatakan dalam perbincangan internet ialah kredibiliti

kehakiman dan perundangan di Malaysia. Keadaan ini menunjukkan jaringan komunikasi yang tidak formal adalah berpengaruh dan peningkatan statusnya sebagai alat penting untuk tindakan kolektif dan penyertaan aktif dan tindakan kolektif (van Vugt & Snyder 2002: 767; Sullivan et al. 2002: 868, 870, 872).

## **Peranan Generasi Net sebagai Penilai Maklumat dan Jaringan Sosial**

Selepas meninjau peranan generasi net sebagai pengguna maklumat dan pemberi maklumat, maka kita beranjak kepada fungsinya sebagai penilai maklumat. Perbincangan juga memberi tumpuan kepada jaringan sosial atau 'social networking' untuk menjelaskan fungsinya. Pemerhatian melalui media masa menunjukkan wujudnya tren peningkatan golongan muda yang terlibat secara aktif dalam jaringan sosial informal khususnya lima tahun kebelakangan ini dalam blog dan jaringan sosial (seperti Facebook, MySpace, Twitter, Friendster dan sebagainya). Perlu dikatakan bahawa tsunami politik 2008 telah menambahkan lagi minat baru terhadap kepentingan internet di kalangan rakyat Malaysia.

Antara pelbagai jenis jaringan informal ini, Facebook dikatakan paling popular menurut laporan bulan Jun 2009 (AHN: 2 Jun 2009). Belia pelbagai latar belakang telah menubuhkan dan menyertai kumpulan yang mempunyai minat bersama. Kepelbagaian kumpulan-kumpulan ini dari mereka yang berkaitan dengan politik, sehinggalah mereka yang prihatin dengan perkembangan ekonomi dan sosial. Kebanyakan kumpulan menyenaraikan diri mereka sebagai global, kumpulan umum dan ada juga yang mengkategorikan diri mereka sebagai 'organisasi politik'. Kumpulan-kumpulan belia ini menunjukkan keinginan mereka untuk merasa penting apabila mereka mengkategorikan kumpulan mereka sebagai bertaraf 'global'.

Didapati kebanyakan kumpulan ini mempunyai keahlian terbuka di mana sesiapa sahaja boleh menyertainya, walaupun sebahagian kecilnya adalah kumpulan tertutup. Bagi kumpulan tertutup, kebenaran penyertaan perlu diambil daripada pengurus kumpulan atau 'pencipta' (atau 'creator') kumpulan. Kemudahan ini berguna sekiranya ia melibatkan isu-isu sensitif kerana pencapaian dan perbincangannya adalah terhad kepada ahli-ahli sahaja. Justeru, ia boleh mengurangkan risiko dan lebih selamat. Bagi

kumpulan terbuka juga, didapati perbincangan dan penilaian terhadap isu-isu sensitif masih wujud. Keadaan ini menunjukkan keberanian generasi net ini menyatakan pandangan di domain umum atau mungkin disebabkan terdapat lebih banyak ruang kebebasan dalam alam siber berbanding dengan persatuan formal.

Kumpulan-kumpulan ini atau 'e-persatuan' merupakan kumpulan masyarakat sivil kerana menepati kriteria persatuan masyarakat sivil. Ini disebabkan penubuhan e-persatuan ini berdasarkan ideal kolektif, minat bersama dan tindakan kolektif. E-persatuan atau e-kumpulan ini adalah layak dipanggil sebagai e-organisasi belia atau persatuan belia informal atas ciri-ciri organisasi yang diterima (Dekker & van Den Broek 2004: 3; Kumar 1993: 383; Lee 2004: 3; Schwartz and Lawson 2005: 270; Wainwright et al. 2006: 13; White 2006: 114; Zadek 2007: 38; Nga 2009: 17, 20, 29-30).

Kumpulan-kumpulan ini mengadakan perbincangan dan forum atas talian (atau 'e-perbincangan' dan 'e-forum'), dan juga terdapat aktiviti secara 'real-physical' seperti seminar anjuran di luar ruangan siber, 'candle-lit vigils', mesyuarat dan perjumpaan ahli-ahli. Aktiviti-aktiviti ini menunjukkan ia merupakan suatu bentuk tindakan kolektif yang mana ahli-ahlinya percaya dan berasa selesa dengan penyertaan mereka<sup>9</sup>. Pemerhatian juga mendapati ahli-ahli kumpulan jaringan sosial terdiri daripada pelbagai latar belakang, etnik dan agama. Mereka menghuni di tempat yang berbeza dan perbincangan mereka didapati begitu benar atau menunjukkan penyertaan aktif. Isi kandungan perbincangan mereka juga begitu menarik dan kreatif tanpa kekangan.

Perkembangan ini perlu diberi perhatian kerana sememangnya ramai orang muda Malaysia terlibat dalam jaringan informal dan internet ini (The Star: 25 Mac 2008; Nga 2009: 246, 256-257). Kerajaan juga sedar dan mengakui perkembangan ini. Contohnya, Menteri Kabinet Ismail Sabri Yaakob menyatakan bahawa "with the advent of information technology, youths had the tendency to seek views from the internet and not conventional media like newspapers" dan "there was a negative perception of the Barisan among young voters" yang bermaksud wujudnya kecenderungan golongan muda memilih media alternative atau media bebas dan golongan net juga didominasi pandangan negatif terhadap kerajaan BN (The Star: 25 Mac 2008). Timbalan Menteri di Kementerian

Pengajian Tinggi, Saifuddin Abdullah, juga menyatakan “Youths prefer to express themselves freely without barriers” yang bermaksud golongan muda lebih suka kebebasan bersuara (The Star: 20 Julai 2009). Selain itu, pihak swasta seperti Pengarah Urusan Synovate di Malaysia, Steve Murphy menyatakan “Young Malaysians are definitely turning to the Internet more for their information and entertainment needs and it’s not surprising that the Internet is slowly becoming the medium of choice” yang bermaksud peningkatan status internet sebagai pengantara pilihan utama orang muda<sup>10</sup>.

Sesuai dengan perkembangan tuntutan keadilan, demokrasi dan pemerintahan *governan* yang baik, maka ada baiknya kita meninjau sistem politik dan praktis *governan* serta tahap demokrasi dengan mengambil kira pandangan dari dalam dan luar negara.

---

<sup>9</sup> Dekker & van Den Broek 2004: 3; Faist 2009: 187; Hasenfeld & Gidron 2005: 103-104; Hindess 1989: 48; Inkeles 2000: 248, 260; Jenkins & Form 2005: 332, 334; Kwon 2004: 136, 159; Lee 2004: 5, 7; Nga 2009: 30-32; Olson 2003: 6; Ostrom & Ahn 2003, Park & Shin 2005: 68; Passy 2003, Smith et al. 2004: 509; Sydow 2004: 206; Welzel et al. 2005: 124, 140, 141; Woolcock 1998, 2002; Woolcock & Narayan 2000: 240.

<sup>10</sup> <http://poobalan.com/blog/borninmalaysia/2009/04/12/youngster-rely-on-internet-more/> [Accessed 4 September 2009].

## SISTEM POLITIK DAN PEMERINTAHAN *GOVERNAN* YANG BAIK

